

BULETIN

MAJLIS DAERAH TAMPIN

EDISI 2
Julai-Disember



www.mdTampin.gov.my



TAMPIN INDAH BERSIH SELAMAT

VISI

Ke arah Majlis Daerah Tampin sebagai sebuah perbandaran yang terancang, mampan dan kondusif demi kesejahteraan rakyat

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi memastikan kehidupan rakyat yang selesa dan sejahtera menjelang tahun 2026

OBJEKTIF

Menjadikan Tampin sebagai Kawasan Perbandaran yang Bersih, Indah, Selamat, Menguntungkan dan Selesa untuk didiami, destinasi pelancongan yang menarik serta lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas masyarakat.

SIDANG RIDAKSI

Penasihat

Tuan Mohd Fadhil Bin Hassan

Penyelaras

Encik Zulhilmi Bin Marzuki

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat Dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Tampin

Perutusan

Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin
MOHD FADHIL BIN HASSAN
Assalamualaikum w.b.t
Salam Bersih Muafakat Sejahtera



Alhamdulillah dipanjatkan rasa syukur kepada hadrat illahi kerana dengan izinnya Buletin Majlis Daerah Tampin Edisi 2-2023 dapat diterbitkan. Saya berbesar hati kerana berpeluang untuk memberikan sekalung kata dalam Buletin Majlis Daerah Tampin Edisi 2/2023. Buletin ini menyusulkan pelbagai elemen

penting atas kejayaan, program dan aktiviti yang dianjurkan dan disertai oleh Majlis Daerah Tampin sepanjang bulan Julai - Disember 2023. Sepanjang enam bulan tersebut, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Majlis Daerah Tampin bagi meneruskan lagi program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan sebelum ini. Segala usaha akan terus dilakukan pada masa yang akan datang agar objektif-objektif Majlis Daerah Tampin dapat dicapai secara yang lebih menyeluruh. Usaha-usaha ini sudah tentu dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui sokongan dan kerjasama daripada ahli masyarakat secara keseluruhannya terutama daripada warga kerja Majlis Daerah Tampin yang sentiasa komited menunaikan kewajipan mereka sepanjang masa.

Masyarakat sentiasa mengharapkan perkhidmatan terbaik daripada pentadbiran Majlis, walaupun terdapat keangan dan halangan untuk memberikan perkhidmatan terbaik, saya mempunyai keyakinan yang tinggi kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis Dearah Tampin untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Aduan awam yang diterima daripada masyarakat telah berjaya diselesaikan selain membina pelbagai kemudahan infrastruktur untuk kemudahan masyarakat. Majlis Daerah Tampin juga akan sentiasa memastikan program bersama komuniti dan kemasyarakatan diadakan bagi memupuk hubungan erat dan memberikan manfaat atas program yang dianjurkan.

Akhir kata, saya amat berharap agar semua pihak dan ahli masyarakat sentiasa memberi pandangan, idea serta komen-komen yang bernas untuk penambahbaikan sistem perkhidmatan Majlis Daerah Tampin pada masa akan datang serta turut sama menyertai segala awktiviti dan program yang akan diadakan untuk faedah kita bersama.

Sekian, terima kasih



Majlis Daerah Tampin

1

PEMBERSIHAN PASAR BESAR TAMPIN

Kebersihan Pasar Awam adalah tanggungjawab bersama



6 JULAI 2023

Aktiviti Gotong-royong Pembersihan dan mencuci Pasar Awam Tampin Sempena Kempen Pasar Awam Bersih Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023.

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



2

Majlis Daerah Tampin

Kempen Penjagaan Anjing Yang Baik

15 JULAI 2023

Kempen Penjagaan Anjing yang baik pada kali ini telah diadakan di Taman Regent Gemencheh yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan.

Kempen ini diadakan bertujuan bagi Memupuk sikap dikalangan pemilik anjing supaya melaksanakan penjagaan anjing yang baik demi kesejahteraan rakyat di Daerah Tampin, tawaran istimewa berupa rebat vaksin dan pamanuan diberikan kepada 50 orang yang mendaftar awal.

Turut menjayakan kempin ini Jabatan Veterinar Daerah Tampin, Klinik Haiwan & Surgery Elite Tampin dan Cowboy Aquatic & Pets Store Gemencheh



KEMPEN
Penjagaan Anjing Yang Baik
 DEWAN TERBUKA TAMAN REGENT, GEMENCHEH
 15 JULAI 2023 (SABTU) | 8.30 Pagi - 12.30 Tengahari
 Perasmian Oleh:
 YB. Veerappan A/L Superamaniam
 Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, Negeri Sembilan

AWARAN
 50 TERAWAL

VAKSYN RM25
MANDUL M50 (JANTAN)
M100 (BETINA)

DAFTAR SEGERA. HUBUNGI 06441 4450 (LIZA) 06441 32977



OBJEKTIF

Memberi kesedaran kepada pemilik anjing agar melaksanakan penjagaan anjing yang baik seperti berikut :-

- Keperluan memvaksin anjing bagi mengelak penularan penyakit
- Kepentingan memelihara anjing didalam kompaun sahaja
- Kepentingan sentiasa mengikat anjing ketika berada di luar kompaun
- Penjagaan pemakanan/nutrien anjing
- Pembersihan najis bagi mengelakkan pencemaran
- Kepentingan mendidik anjing supaya tidak menyalak tanpa sebab dan membuat bisling



1 Terjaga & bersih



3 Najis dibersihkan



2 Dikikat dengan baik



4 Dalam kawasan halaman rumah

PENJAGAAN ANJING YANG BAIK

Majlis Daerah Tampin

3




Penjurian Kempen Pasar Awam

18 JULAI 2023

Penjurian Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Geral di Pasar Besar Tampin sempena Kempen Pasar Awam Bersih di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023. Aspek yg ditekankan dalam pertandingan ini adalah kebersihan, amalan 3R dan inovasi.

Alhamdulillah peniaga Pasar Besar Tampin memberikan sokongan dan komitmen yang baik dalam pertandingan ini. Pemenang pertandingan akan diumumkan sewaktu Majlis Perasmian Kempen Pasar Awam Bersih yang akan berlangsung pada 20/7/2023 (Khamis) di Pasar Besar Tampin.

Pasar Besar Tampin



Jagalah kebersihan pasar kita



- Dalam memacu agenda utama pasukan KPKT ke arah membangunkan "**Malaysia MADANI**", ciri-ciri persekitaran yang mampan sama ada dari segi *Built Environment* atau *Natural Environment* penting kepada setiap rakyat Malaysia. Ini termasuklah dari aspek Infrastruktur Fizikal yang mencukupi dengan kemudahan awam, pengangkutan awam dan taman awam dan Persekitaran yang Berkualiti seperti persekitaran yang selamat, ceria, dan mengandungi unsur-unsur "**GREEN ENVIRONMENT**"

4

Majlis Daerah Tampin

Majlis Perasmian Kempen Pasar Awam Bersih Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023 @ Pasar Besar Tampin

20 JULAI 2023

Gotong royong Bersepadu dan Majlis Perasmian Kempen Pasar Awam Bersih Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2023 di Pasar Besar Tampin.

Program telah dirasmikan oleh YB Tuan Veerapan a/l Superamaniam, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan.

Turut hadir memeriahkan majlis Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua Majlis Daerah Tampin, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Cawangan Tampin Tuan Mohd Zayyid bin Zakaria, Wakil Pejabat Kesihatan Daerah Tampin Dr Abdul Mueez bin Ahmad serta Puan Norfazilah binti Mohd Sharif mewakili Swcorp Cawangan Tampin.

Sewaktu majlis perasmian turut diadakan penyerahan surat iaitikan kepada Jawatankuasa Persatuan Pasar Besar Tampin dan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Gercil yang telah berlangsung pada 18/7/2023.

Pihak Majlis Daerah Tampin mengucapkan tahniah kepada pemenang dan jutaan terima kasih kepada ahli majlis, agensi luar dan peniaga yang hadir dalam program ini.

- Bermula tahun 2021, KPKT telah menganjurkan Kempen Kesihatan Persekitaran yang melibatkan PBT di seluruh negara. Kempen ini melibatkan 5 sub program utama Kesihatan Persekitaran iaitu Kempen Pencegahan Denggi atau Membasmi Wabak Hotspot Denggi di Kawasan PBT, Kempen Membasmi Tikus, Kempen Premis Makanan Bersih, Kempen Pasar Awam Bersih dan Kempen Tandas Awam Bersih.

**I
N
F
O**

Majlis Daerah Tampin

5

Sukan 4 Penjuru @KESUKMADT

25 JULAI 2023


Pertandingan Sukan 4 Penjuru melibatkan Majlis Daerah Tampin, Pejabat Parlimen Tampin, IPD Tampin dan Pejabat Daerah Tampin.

Sebanyak tiga (3) acara sukan dipertandingkan iaitu Pataque, Futsal dan Bola Jaring.

Tahniah kepada pasukan IPD Tampin yang dinobatkan juara keseluruhan edisi pertama pertandingan ini.

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Parlimen Tampin, YB Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa atas kesudian merasmikan dan memberikan sokongan padu pada pertandingan yang julung kali diadakan ini.

Di majlis yang sama Kelab Sukan Dan Kebajikan Kakitangan Majlis Daerah Tampin turut melancarkan kempen 'Jom Sihat 100 hari' bagi memupuk cara hidup sihat dan cergas dikalangan warga MDTampin



6

Majlis Daerah Tampin

TRANS NANING ULTRA NS CHALLENGE 2023

28 - 30 JULAI 2023

Program 'Trans Naning Ultra NS Challenge 2023' yang merupakan program Pelancongan Tahunan Negeri Sembilan anjuran bersama Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Tampin dengan kerjasama daripada Ultra Sport dan Malatra Events juga turut melibatkan Kementerian Belia Dan Sukan Daerah Tampin, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan serta beberapa Jabatan/Agensi di Daerah Tampin bagi bersama membantu dalam menjayakan program ini.

Program eko pelancongan yang menarik minat ramai peserta dalam memperkenalkan dan mempromosi tujuh (7) puncak Trans Naning di Daerah Tampin.

Seramai 421 peserta yang telah menyertai program ini termasuk luar negara iaitu Singapura, Jepun, Jerman, Filipina, Sepanyol, China, Belgium, Perancis dan Hong Kong.

Majlis Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Majlis Penutup juga turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Mohd Isam Bin Mohd Isa, Ahli Parlimen Tampin turut bersama dalam penyerahan hadiah kepada pemenang.

MDT merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan (LPNS) serta semua Jabatan/Agensi yang telah terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga dengan kerjasama yang diberikan dapat diteruskan pada masa akan datang.



Majlis Daerah Tampin

7

Anugerah Pengurusan MBJ Terbaik 2022 Kategori PBT

31 JULAI 2023

Majlis Daerah Tampin telah menerima Anugerah Pengurusan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Terbaik 2022 bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena hari Persidangan Majlis Bersama Jabatan Peringkat Negeri Sembilan di Royale Chulan Seremban.

Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan kepada YBrs. Encik Zulhilmi bin Marzuki, Akauntan merangkap Setiausaha Majlis Daerah Tampin.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan sebuah medium dua hala iaitu pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi.

Tahniah diucapkan kepada pihak pengurusan Majlis Daerah Tampin atas kejayaan yang cemerlang ini. Semoga anugerah yang diperolehi pada tahun ini menjadi pembakar semangat kepada kakitangan Majlis Daerah Tampin untuk terus bekerja kuat dalam mencapai kejayaan cemerlang pada masa akan datang.



Tahniah



Penjurian 'Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2023 peringkat Negeri Sembilan'

13 SEPTEMBER 2023

Juri bagi Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan telah hadir bagi menilai dekorasi sempena Hari Kebangsaan yang disambut pada 31 Ogos 2023 yang lalu.

Majlis Daerah Tampin telah menyertai Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan anjuran Kerajaan Negeri Sembilan. Konsep yang diketengahkan oleh MDT tahun ini berdasarkan dengan tema yang diberikan Malaysia Madani "Tekad Perpaduan Penuhi Harapan".



Majlis Daerah Tampin



PEMERIKSAAN PREMIS PENCUCIAN KENDERAAN

14 SEPTEMBER 2023

Majlis Daerah Tampin sedang menguatkuasakan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 3 Tahun 2020 berkenaan Arahan Panduan Pengurusan Premis Cucian Kenderaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

Garis Panduan ini diwujudkan untuk menyeragamkan syarat dan keperluan mengenai pengurusan premis cucian kenderaan yang harus merangkumi aspek keperluan-keperluan fizikal, penyenggaraan, pengurusan sisa serta penyimpanan reka di premis-premis cucian kenderaan di kawasan PBT masing-masing.

Pemeriksaan telah dilaksanakan bersama-sama Jabatan Pengangkutan, Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan serta Jabatan Pelesenan Majlis Daerah Tampin.



BOLA SEPAK ERAT HUBUNGAN

26 OKTOBER 2023

Sekitar perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) menentang Majlis Daerah Tampin (MDT) yang berlangsung di Padang Bola Sepak, Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).

Tahniah kepada kedua-dua pasukan kerana mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi.



Majlis Daerah Tampin

11



MESYUARAT PENUH MDT

Bilangan 10 Tahun 2023

31 OKTOBER 2023

Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Tampin Bilangan 10 Tahun 2023 di Bilik Mesyuarat Zamrud, Pejabat Majlis Daerah Tampin.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Hermansyah Bin Edizar, Ahli Majlis MDT.

Jabatan Perkhidmatan Pembentangan telah dijemput bagi melaporkan status berkaitan projek pembinaan laluan kumbahan dan rangkaian paip pembentangan di kawasan tadahan Tampin Tengah, Negeri Sembilan.



MESYUARAT PENUH MDT

Bilangan 11 Tahun 2023

29 NOVEMBER 2023

Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Tampin Bilangan 11 Tahun 2023 di Bilik Mesyuarat Zamrud, Pejabat Majlis Daerah Tampin. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Encik Hermansyah Bin Edizar, Ahli Majlis MDT.

Dalam mesyuarat kali ini pihak MDT berbesar hati menjemput Dr. Faiz dari Pejabat Kesihatan Daerah Tampin untuk menyampaikan Taklimat berkaitan Kesedaran Pencegahan Re-introduction Malaria di Daerah Tampin.

Berikutan terdapat jangkitan yang berlaku di beberapa tempat, semua penduduk yang mengalami gejala demam, berpeluh, loya/muntah & keletihan disaran menjalani pemeriksaan & mendapatkan rawatan awal di pusat kesihatan berhampiran. Bersama kita mencegah penularan penyakit ini.



Penjurian Pertandingan Tandas 'BMW'

5 OKTOBER 2023

Penjurian Pertandingan Tandas BMW (Bersih, Menawan dan Wangi) bagi Premis Makanan Popular di Daerah Tampin Bagi Tahun 2023. Juri pertandingan terdiri daripada Pejabat Kesihatan Tampin iaitu Puan Siti Haizum Binti Hamzi, Pegawai kesihatan Persekitaran dan Enak Muhammad Najib bin Nor Mohamed, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Majlis Daerah Rembau.

Sebanyak 10 Premis makanan popular terlibat secara langsung dengan program ini iaitu:

- Lomak Salai, Tampin
- Sugar Dust Café, Tampin
- Kodai Ku-Waah Tampin
- Hide or Out Cafe' & Seaba - H2O, Tampin
- Mulut Cafe' & Dessert, Tampin
- Amir Western Corner, Tampin
- Restoran Rendang Maman Acu, Gemencheh
- Restoran Al-Baraqqah, Gemencheh
- Kedai Makan Lauk Kampung Sajjan Rasa Kak Teh, Gemas
- Nasi Ayam Gemas Mustafah

Pertandingan ini diadakan selaras dalam menyahut seruan dan saranan dari YB Menteri KPKT ke arah meningkatkan tahap kebersihan tandas premis makanan khususnya di Tampin untuk mencapai empat (4) bintang dan ke atas.

10 premis popular ini akan menjadi contoh dan perintis dalam membudayakan penjagaan tandas awam yang baik.



Majlis Daerah Tampin

13